

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

TARIKH : **23.3.2015**

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor-faktor yang menghalang pendidikan negara ini mencapai tahap dunia. Apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan bakal melancarkan PPPM (Pendidikan Tinggi) dalam masa terdekat bagi memastikan kesinambungan usaha-usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara daripada peringkat sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi dilaksanakan secara bersepadu. Kerajaan berhasrat dengan pelaksanaan PPPM, sistem pendidikan Malaysia disasarkan berada dalam kelompok satu pertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara cabaran yang dikenal pasti ialah pencapaian menyeluruh bagi keberhasilan murid terutama di kawasan luar bandar. Usaha-usaha sedang dipergiatkan untuk

mendepani cabaran-cabaran tersebut. Program Transformasi Daerah (DTP) telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang prestasi murid di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar. Sokongan dan bimbingan kepada sekolah melalui Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+) dan Jurulatih Utama Peningkatan Sekolah (SISC+) sebagai usaha untuk merapatkan jurang prestasi sekolah antara kawasan luar bandar dan bandar telah mula memberi kesan yang positif.

KPM telah menyalurkan peruntukan pendidikan kepada program-program yang berimpak tinggi terhadap keberhasilan murid seperti Program Pembangunan Berterusan (CPD) bagi memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) guru sesuai dengan pendidikan di abad ke-21 termasuk memasukkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Kementerian juga telah memulakan langkah menempatkan Pengetua dan Guru Besar berprestasi tinggi untuk memimpin sekolah sama ada di kawasan luar bandar atau bandar. Pada masa yang sama, KPM berusaha untuk memastikan infrastruktur dan keperluan asas pendidikan di setiap sekolah termasuk di kawasan luar bandar berada dalam keadaan baik, terutama di Sabah dan Sarawak seperti yang dinyatakan dengan jelas PPPM. Di samping itu, KPM juga berusaha mengukuhkan perpaduan melalui program integrasi murid dan guru daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosioekonomi melalui Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP).